

04/06/2004

Hamdan selesa `raja lawak VIP'

By Nurulhisham Abdul Latiff

PADA awalnya, dia hanya menjadi pengacara majlis secara suka-suka saja. Namun, apabila banyak pihak yang mendakwa dia boleh cari makan menerusi bidang berkenaan, dia tidak menoleh ke belakang lagi. Kini, menjadi pengacara majlis sudah sebati dengan dirinya.

Mungkin nama Hamdan Sulaiman, 58, tidak dikenali seperti Mahadzir Lokman, Afdlin Shauki dan Harith Iskander, yang boleh digelar selebriti kerana mereka turut terbabit dalam lakonan serta muncul di televisyen. Hamdan sebaliknya lebih suka memberikan tumpuan kepada majlis perkahwinan dan majlis korporat.

Dia memilih majlis kahwin kerana, katanya, ia sesuai dengan peribadinya yang suka membuat lawak ketika mengacarakan sesuatu majlis dan dia sendiri boleh mengenakan pasangan pengantin baru.

"Majlis kahwin sentiasa penuh dengan gelak ketawa. Ia tidak boleh serius sebab orang datang ke majlis itu untuk bergembira meraikan pasangan yang baru disatukan. Walaupun ada tetamu kehormat, bagi saya majlis seperti itu harus ada gelak dan unsur kelakarnya," katanya.

Namun begitu, katanya, dia juga perlu mengetahui selok-belok protokol sesuatu majlis apabila ia turut membabitkan golongan diraja atau orang kenamaan.

Hamdan berkata, ramai juga bertanya mengenai dirinya apabila mereka melihat dia mengacarakan sesuatu majlis. Dia mengaku dirinya bukan seorang selebriti, sebaliknya penganalisis politik yang juga berkebolehan dalam bidang pengacaraan.

Bagaimanapun, Hamdan tidak menganggap dirinya sebagai pelawak. Sebaliknya, dia menggelarkan gaya pengacaraan itu sebagai emcee-tainment, iaitu pengacaraan yang turut menggabungkan unsur lawak.

"Saya sedar sudah ramai pengacara yang menggunakan unsur lawak ketika berada di pentas. Namun, kebanyakannya adalah pelawak, manakala saya pula bukan sebahagian mereka. Saya adalah pengacara yang menggunakan konsep emcee-tainment," kata Hamdan yang juga pengarah Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam sebuah syarikat swasta di ibu kota.

Katanya, sesuatu lawak itu akan lebih berkesan jika ia disampaikan dengan cara yang betul. Jika tidak, ia hanya sebuah lawak kosong yang tidak memberikan sebarang makna dan tidak berjiwa.

"Misalnya, ketika orang sedang ketawa pada lawak kita, kita kenalah berhenti sekejap sehingga mereka reda, kemudian barulah kita boleh sambung balik," katanya yang juga penulis skrip kepada lawak Yusof Chong.

Dia yang banyak memanfaatkan bahan bacaan tidak keberatan jika ada generasi baru yang ingin mendapatkan tunjuk ajar daripadanya dalam bidang terbabit.

Hamdan, datuk kepada dua cucu ini mula membabitkan diri dalam bidang berkenaan pada 1984, ketika diminta mengacarakan majlis pertemuan pelajar Malaysia dengan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad di Chicago, Amerika Syarikat.

Memulakan kerjaya sebagai guru pada 1960-an dan 70-an, dia juga adalah pemimpin kugiran di Ipoh, The King Clark yang menampilkan naib juara Bintang RTM 1976, Khatijah Idrus sebagai penyanyi utamanya.

Dia turut menabur khidmat untuk Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian, Keretapi Tanah Melayu serta pengarah eksekutif kumpulan syarikat swasta.

Kepada mereka yang ingin menggunakan khidmat Hamdan sebagai pengacara

boleh menghubunginya di talian 019-2174411.
(END)